

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1975<sup>1</sup>

PENGAMBILAN ALIH GURU-GURU UGAMA ISLAM  
KERAJAAN NEGERI DI SEKOLAH RENDAH BANTUAN  
KERAJAAN KE DALAM PERKHIDMATAN PELAJARAN

Kerajaan telah bersetuju untuk mengambil alih pentadbiran pelajaran Ugama di Sekolah Rendah bantuan Kerajaan dan juga Guru-guru Ugama yang sekarang ini di bawah Kerajaan Negeri yang sedang berkhidmat secara tetap atau sementara untuk diberi pilihan bagi memasuki Perkhidmatan Pelajaran secara pertukaran bagi mengisi jawatan tetap atau sementara, mengikut taraf mereka yang berkenaan (selepas ini dipanggil Pegawai Perkhidmatan Pelajaran) yang boleh diarah dan ditukar-tukarkan untuk mengajar, membuat kerja-kerja pentadbiran atau lain-lain tugas yang berpatutan.

2. Takrif Guru-guru Ugama tetap dan sementara yang dimaksudkan dalam Pekeling ini ialah:

(a) *Guru Ugama Tetap*—

(i) mereka yang dilantik secara tetap oleh Kerajaan Negeri serta dibayar dan ditempatkan ke dalam Kategori gaji mengikut tanggagaji Aziz termasuk mereka yang memegang jawatan-jawatan yang berikut:

- (1) Nazir-nazir dan Penolong Nazir;
- (2) Penolong Pemeriksa Sekolah-sekolah Rendah Ugama;
- (3) Guru-guru Pelawat;
- (4) Pengelola dan Penolong Pengelola Daerah;
- (5) Penyelia Quran.

dan (b) *Guru-guru Ugama Sementara*—

(i) mereka yang dilantik oleh Kerajaan Negeri serta dibayar dan ditempatkan ke dalam Kategori gaji mengikut tanggagaji Aziz;

(ii) mereka yang telah diambil bekerja semula atas dasar sementara disebabkan perkahwinan;

(iii) mereka yang perkhidmatannya tidak ditamatkan pada tiap-tiap hujung tahun, yakni mereka bukannya diambil sebagai guru pengganti (relief teachers).

3. Pegawai yang sedang berkhidmat secara tetap atau sementara adalah diberi pilihan mengikut perbekalan-perbekalan Pekeliling ini untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran secara pertukaran perkhidmatan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang terkandung dalam Pekeililing ini, Perintah Am Kewangan, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekeliling dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa pada masa ini dan yang akan dikeluarkan dari satu masa ke satu masa.

#### **Jawatan Sementara**

4. Kerajaan akan mengkaji semula jawatan-jawatan yang disandang oleh Guru-guru Ugama sementara yang memasuki Perkhidmatan Pelajaran secara sementara dan di mana boleh, akan mengisikannya dengan pegawai-pegawai tetap yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang disyaratkan samada dengan cara menyerapkan penyandangnya sekarang mengikut syarat-syarat yang ditentukan atau dengan cara menggantikan mereka dengan calun-calun baru yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang disyaratkan itu, tertakluk kepada kekosongan jawatan. Walau bagaimanapun, di mana yang boleh, Guru-guru Ugama Sementara yang mempunyai kelayakan yang sewajarnya akan ditimbangkan untuk mengikuti kursus Latihan Perguruan bagi membolehkan mereka dilantik ke jawatan tetap kelak.

#### **Kelayakan Masuk**

5. Kelayakan masuk ke dalam kategori dalam Perkhidmatan Pelajaran bagi Guru-guru Ugama tetap dan sementara hendaklah berdasarkan kepada kelulusan akademik/ikhtisas dan kelulusan perguruan seperti yang tercatit dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 tahun 1973.

6. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang memilih untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran mereka adalah diperakurkan untuk ditukarkan kepada Kategori yang mereka berada sekarang dengan syarat, penempatan ke dalam Kategori itu telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **Gaji dan Tarikh Kenaikan Gaji**

7. Gaji bagi mereka yang membuat pilihan memasuki Perkhidmatan Pelajaran adalah tidak berubah dan tarikh kenaikan gaji mereka juga tidak berubah, sekiranya mereka layak menerima kenaikan gaji pada tarikh tersebut.

#### **Kekananan**

8. Kekananan Guru-guru Ugama yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Pelajaran adalah dihitung daripada tarikh perlantikan mereka dalam perkhidmatan Guru-guru Ugama Negeri dengan mengambil kira kehilangan taraf kekananan mereka atas sebab-sebab yang tertentu, yang telah berlaku dalam perkhidmatan asal itu. Jika ada di antara pegawai-pegawai itu yang sama kekananannya maka pegawai-pegawai yang lebih tua umurnya akan dikira lebih kanan daripada yang muda.

### **Taraf Guru-guru Ugama Sementara**

9. Guru-guru Ugama Sementara yang memilih masuk Perkhidmatan Pelajaran akan menerima gaji bersih yang sama seperti Guru-guru Ugama Tetap, tetapi akan terus berkhidmat cara sementara atas dasar sebulan ke sebulan. Semua pegawai sementara adalah layak mendapat kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan seperti yang diberi kepada pegawai tetap, kecuali mereka tidak akan mempunyai jaminan perkhidmatan (security of tenure of service) dan tiada berkelayakan menerima faedah persaraan seperti pegawai tetap. Mereka juga tidak layak mendapat pinjaman di bawah rancangan bantuan perumahan Kerajaan, seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling ini.

### **Cuti**

10. Pegawai-pegawai adalah layak mendapat cuti mengikut syarat-syarat sepertimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab C.

### **Cuti Naik Haji**

11. Pegawai-pegawai yang berugama Islam akan berkelayakan mendapat cuti naik haji mengikut peruntukan-peruntukan yang disebutkan dalam Perintah Am Bab C. Pegawai-pegawai yang berugama Islam dalam Negeri-negeri Johor dan Kedah yang dilantik sebelum 1hb Januari, 1957 tidaklah lagi berkelayakan untuk mendapat pemberian kewangan bagi maksud pergi menuaikan fardu haji. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang berugama Islam di Negeri Kedah dan Johor yang pada 1hb Julai, 1974 iaitu tarikh Pekeliling ini berkuatkuasa, telah patut menerima serta juga berkelayakan menerima pemberian kewangan itu untuk menunaikan fardu haji, akan terus berkelayakan untuk menerima pemberian itu.

### **Elaun-elaun Dalam Perkhidmatan**

12. Pegawai-pegawai adalah layak mendapat elaun-elaun seperti yang terkadung dalam Perintah Am Bab B dan lain-lain Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

### **Pinjaman Untuk Membeli Kenderaan**

13. Pegawai-pegawai yang terpaksa menggunakan kereta motor mereka sendiri bagi menjalankan tugas-tugas resmi dengan lebih cekap adalah layak memohon wang pinjaman untuk membeli kenderaan, dan pinjaman-pinjaman seumpama itu akan tertakluk kepada bayaran faedah dengan kadar 4%. Walau bagaimanapun, faedah tidak akan dikenakan ke atas pinjaman yang diberi untuk membeli basikal. Kadar-kadar pinjaman adalah seperti yang terkandung di dalam Pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

### **Rancangan Bantuan Perumahan**

14. Di bawah rancangan ini, pinjaman-pinjaman akan diberi kepada pegawai-pegawai dengan mengenakan faedah kadar 4% setahun bagi tujuan mendirikan ataupun membeli rumah-rumah

kediaman. Kerajaan akan mencuba menyediakan tapak-tapak rumah untuk membantu pegawai-pegawai mendirikan rumah-rumah mereka sendiri. Sekiranya pinjaman diluluskan dan juga sekiranya pegawai-pegawai ingin mendirikan rumah mereka sendiri di tapak-tapak yang seumpama itu maka harga tapak rumah itu akan dipotong daripada wang pinjaman itu. Kadar-kadar pinjaman adalah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

## FAEDAH PERSARAAN

### **Taraf Pencen**

15. Perkhidmatan Pelajaran ialah perkhidmatan berpencen dan pegawai-pegawai tetap dalam perkhidmatan ini adalah layak diberi taraf pencen.

### **Faktor Pencen**

16. Bagi pegawai-pegawai berpencen dalam Perkhidmatan Pelajaran mereka akan dikira menurut kadar satu perdelapan ratus ( $1/800$ ) daripada jumlah gaji berpencen setahun bagi tiap-tiap genap sebulan perkhidmatan berpencen, dengan syarat jumlah pencen paling tinggi ialah sebanyak setengah daripada gaji berpencen yang paling tinggi yang diterima dalam tempoh perkhidmatan mereka.

### **Faedah-faedah Tambahan**

17. Akibat daripada perlaksanaan faktor pencen satu perdelapan ratus ( $1/800$ ), maka semua faedah tambahan yang boleh dibayar di bawah undang-undang pencen akan dipinda sewajarnya.

### **Rancangan Pencen Keluarga**

18. Kerajaan akan mempertimbangkan pembentukan Rancangan Pencen Keluarga yang bercarum seperti pegawai-pegawai dalam bahagian-bahagian perkhidmatan yang lain. Sementara itu satu Rancangan Pencen Keluarga Sementara seperti di Lampiran "A" akan dijalankan bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran.

### **Perkhidmatan Lalu Yang Diambilkira**

19. Bagi Guru-guru Ugama yang menjadi Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran, perkhidmatan lalu mereka boleh diambilkira untuk maksud memasuki faedah persaraan di bawah undang-undang pencen selaras dengan perenggan 20 di bawah. Untuk tujuan ini, hanya perkhidmatan semasa mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan diambilkira sebagai perkhidmatan lalu.

### **Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan**

20. Seseorang pegawai yang memasuki Perkhidmatan Pelajaran, tetapi sedang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tarikh ia memulangkan borang pilihan sendiri yang telah dipenuhinya, akan terus mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berdasarkan kepada gaji bersihnya sehingga ia

dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Bagi kes ini, Ketua-ketua Jabatan hendaklah menentukan bahawa caruman-caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dibayar mengikut kadar-kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

### **Wang Simpanan (Credits) dalam Kumpulan Wang Simpanan**

21. Seseorang pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran yang dahulunya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh memilih apabila hendak bersara :

- (a) menerima pencen penuh, elauan persaraan, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan yang ia layak menerimanya di bawah Peraturan-peraturan Pencen, 1957 dengan syarat ia membayar balik kepada Kerajaan caruman majikan termasuk faedah kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah dibuat dalam sebarang tempoh perkhidmatan lalunya seperti yang ditafsirkan dalam perenggan 19 di atas; atau
- (b) tidak menerima pencen, elauan persaraan, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan yang layak ia menerima bagi perkhidmatannya semasa ia mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tetapi mengambil semua wang simpanan yang terkumpul dalam Kumpulan Wangnya.

### **22. Penempatan dalam Perjawatan Berpencen**

- (a) Semua Pegawai yang telah dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam jawatannya serta telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya 3 tahun adalah layak untuk ditempatkan ke dalam Perjawatan Berpencen.
- (b) Semua Pegawai yang telah dilantik secara tetap tetapi belum disahkan dalam jawatannya adalah dikehendaki memenuhi semua syarat perkhidmatan yang ditetapkan di dalam sekim perkhidmatannya untuk layak disahkan dalam jawatannya, dan setelah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun, adalah layak untuk ditempatkan ke dalam Perjawatan Berpencen.
- (c) Penempatan ke dalam perjawatan berpencen akan dikuatkuasakan mulai dari tarikh sekarang.

### **PILIHAN SENDIRI**

23. Semua Guru-guru Ugama Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri yang telah dilantik sebelum tarikh Pekeliling ini hendaklah diberi pilihan sendiri samada :

- (a) bersetuju diperakukan untuk ditukar ke dalam Perkhidmatan Pelajaran mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling ini; atau
- (b) tidak bersetuju untuk bertukar ke dalam Perkhidmatan Pelajaran.

**24. Peraturan Menjalankan Pilihan-sendiri**

- (a) Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah memberi tawaran pilihan sendiri kepada tiap-tiap seorang Guru Ugama Negeri yang layak dengan mengeluarkan borang tawaran (Borang A) seperti dalam Lampiran "B" kepada Guru-guru Ugama Negeri yang berjawatan tetap dan borang "B" seperti di Lampiran "C" kepada Guru-guru Ugama Negeri yang berjawatan sementara. Borang tawaran tersebut hendaklah ditandatangani dalam lima salinan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Silinan asal hendaklah dikirimkan kepada guru yang berkenaan, salinan kedua hendaklah dimasukkan ke dalam fail peribadi guru itu, salinan ketiga hendaklah dikirimkan kepada Kementerian Pelajaran, salinan keempat kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri dan salinan kelima kepada Jabatan Pelajaran Negeri. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab bagi menentukan bahawa semua butir-butir dalam borang itu adalah semuanya betul belaka.
- (b) Salinan asal borang tawaran yang telah dipenuhi bersama-sama dengan lima salinan borang pilihan-sendiri (Borang C) seperti di Lampiran "D" hendaklah diberi kepada tiap-tiap Guru Ugama yang berjawatan tetap dan borang pilihan sendiri (Borang D) seperti di Lampiran "E" hendaklah diberi kepada tiap-tiap Guru Ugama yang berjawatan sementara yang bekenaan.
- (c) Guru-guru Ugama yang berkenaan hendaklah mengisi borang pilihan sendiri itu dalam lima salinan dan mengembalikannya kepada Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing dalam tempoh yang ditentukan di perenggan 27. (Salinan asal borang pilihan-sendiri yang telah dipenuhi itu hendaklah dimasukkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri ke dalam fail peribadi guru masing-masing. Salinan kedua hendaklah dihantar oleh Setiausaha Kerajaan Negeri kepada Kementerian Pelajaran, salinan ketiga kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri, salinan keempat kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan salinan kelima kepada guru yang berkenaan.)

25. Pilihan sendiri yang telah dibuat oleh Guru-guru Ugama tidaklah boleh dibatalkan.

26. Sekiranya didapati sebarang kesilapan mengenai butir-butir dalam borang tawaran yang dikeluarkan, maka tawaran itu hendaklah dianggap tidak sah dan betul. Surat tawaran baharu hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Tempoh Pilihan Sendiri**

27. Pilihan sendiri itu hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Pekeliling ini.

28. Pegawai-pegawai yang tidak membuat pilihan sendiri dalam tempoh yang ditentukan itu akan disifatkan sebagai telah tidak memilih untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran.

### **Tarikh Berkuatkuasa**

29. Bagi pegawai-pegawai yang bersetuju untuk diperakukan bertukar ke dalam Perkhidmatan Pelajaran, tarikh pertukaran mereka kepada Perkhidmatan Pelajaran adalah bermula pada 1-7-1974 dengan syarat mereka berada dalam perkhidmatan Guru Ugama Negeri pada atau sebelum tarikh itu. Bagi mereka yang mula berkhidmat sebagai Guru Ugama Negeri selepas 1-7-74, tarikh pertukaran ini akan berkuatkuasa mulai dari tarikh mereka mula berkhidmat sebagai Guru Ugama Negeri.

30. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk menentukan perlaksanaan syarat-syarat Pekeliling ini dan sekiranya ada sebarang keraguan maka penjelasan hendaklah diminta daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

**DATO' ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,**  
***Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,***  
***Malaysia***

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
 MALAYSIA,  
 KUALA LUMPUR,  
*Ihb Jun, 1975***

**CATATAN:**

<sup>1</sup> Dibatalkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 1976 mulai 10hb Disember, 1976.